

05/08/1997

Rakyat digesa jaga kebersihan bandar raya

KUALA LUMPUR, Isnin - Rakyat harus bersikap lebih bertanggungjawab dan prihatin menjaga kebersihan dalam usaha menjaga imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata sikap tidak prihatin mencerminkan masyarakat Malaysia tidak mengamalkan kebersihan diri dan kawasan.

"Sikap seumpama ini amat memalukan kita... kenapa jadi sampai macam tu, buang sampah, tin, plastik air dan kotak rokok merata-rata...", katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek memajukan pelancongan sukan Malaysia melalui The 2nd Asian Sports Tourism Conference 1997 dan Penerbitan Malaysia Sports & Recreation Tourism Guide 1998, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota kerana ia bukan saja mencemarkan imej Malaysia, bahkan mengaibkan pemimpin negara.

Sabbaruddin berkata, walaupun sering menerima surat pujian daripada pelancong asing mengenai keindahan dan kecantikan Malaysia, sikap masyarakat Malaysia yang peramah, kadar harga barangan berpatutan serta mempunyai banyak tempat menarik dan bersejarah untuk dilawati di negara ini, rakyat tidak seharusnya leka dengan pujian itu.

(END)